

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)13**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

13. Banyak kerja penurapan jalan tar telah menyebabkan paras jalan semakin tinggi dan membawa pelbagai masalah kepada pengguna jalan.
- (a) Adakah kajian kesesuaian penurapan jalan tar dijalankan sebelum kerja penurapan bagi setiap jabatan?
  - (b) Bagaimanakah langkah menyelesaikan masalah jalan tar yang semakin tinggi dari jalan asal?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B  
KETUA MENTERI**

13. (a) Sebelum kerja-kerja penurapan dilaksanakan di tapak, pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKR) perlu mengadakan lawatan tapak dan mengenal pasti terlebih dahulu sama ada terdapat keperluan untuk menaikkan aras jalan di lokasi pembaikan.

Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula akan melaksanakan kajian kesesuaian penurapan jalan sebelum kerja penurapan dilaksanakan.

- (b) Bagi mengatasi masalah jalan yang semakin meninggi daripada aras asal, pihak JKR terlebih dulu melaksanakan kerja-kerja *milling* (potong) ke atas *premix* sedia ada sebelum lapisan *premix* yang baru dihamparkan. Ini dapat meminimumkan kenaikan aras jalan pada sesuatu lokasi pembaikan.

Langkah menyelesaikan masalah jalan tar yang semakin meninggi dari jalan asal dilaksanakan oleh pihak MBSP seperti berikut:

- (i) Melaksanakan kaedah *milling* (membuang permukaan jalan pada kedalaman tertentu) pada jalan sedia ada; dan Menaiktaraf bahu jalan.